

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian

(a) Isi

Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.

- | | |
|-------------------------------------|--|
| (i) Fakta berserta huraian / contoh | 2 markah
[1+1 markah] |
| | 3 markah
[1+2 markah] |
| | 4 markah
[1+3 markah]
[2+2 markah] |
| (ii) Fakta tanpa contoh | 2 markah |
| (iii) Fakta betul, contoh salah | 1@ 2 markah |
| (iv) Fakta salah, contoh betul | 0 markah |

(b) Penyampaian

- (i) Jawapan Bahagian A dalam bentuk struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek.
Jawapan Bahagian B dalam bentuk esei.
- (ii) Menggunakan bahasa yang betul.
- (iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.
- (iv) Soalan perbandingan, mengikut perbandingan terus, bukannya dalam bentuk yang disenaraikan.

Bahagian A
[40 markah]

1 Dua gaya bahasa	Markah
(i) Asonansi Contoh: Ump <u>a</u> ma ga <u>j</u> ah men <u>j</u> adi rusa / Umpama gajah menjadi rusa (Pengulangan vokal a)	[1+1]
(ii) Aliterasi Contoh: Ada <u>b</u> tertib ha <u>b</u> is bi <u>n</u> asa / Adab tertib habis binasa (Pengulangan konsonan b)	[1+1]
(iii) Simile Contoh: Amboi, amboi, adat tiruan, resam terpaksa! Umpama gajah menjadi rusa	[1+1]
(iv) Repitisi kata Contoh: <u>Amboi</u> , <u>amboi</u> , adat tiruan, resam terpaksa	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]	

2. Empat Bentuk Sajak

(i) Terdiri daripada dua rangkap	1
(ii) Terdapat tiga hingga empat baris satu rangkap	1
(iii) Jumlah perkataan sebaris tidak sama / Jumlah perkataan antara tiga hingga lima perkataan sebaris	1
(iv) Jumlah suku kata sebaris tidak sama / Jumlah suku kata antara tujuh hingga dua belas suku kata sebaris	1
(v) Rima akhir setiap rangkap adalah tidak sama / rangkap 1-aba, rangkap 2 - abab	1
(vi) Puisi berbentuk bebas	1
[Maksimum: 4 markah]	

3 Empat Perwatakan Ken Tambohan

- | | |
|---|---|
| (i) Seorang puteri tawanan | 1 |
| (ii) Seorang puteri rupawan | 1 |
| (iii) Seorang puteri yang cantik di antara puteri tawanan | 1 |
| (iv) Seorang yang berumur empat belas tahun | 1 |
| (v) Seorang puteri yang tidak diketahui negeri asalnya | 1 |
| (vi) Seorang puteri yang diberi gelaran Ken Tambohan | 1 |
| (vii) Seorang puteri yang paling disayangi | 1 |

[Maksimum: 4 markah]

4. Dua ciri drama

- (i) **Ada pelakon / watak** [1+1]
Contoh: Zaki dan Anna
- (ii) **Ada aksi** [1+1]
Contoh: (melangkah ke sudut kiri mengucapkan dengan kuat)
- (iii) **Ada dialog** [1+1]
Contoh: ANNA: Ya, aku cepat putus asa. Tapi putus asaku ini bukanlah puncanya daripada engkau juga?
ZAKI: Anna, cuba lebih realistik lagi, Anna. Fahamkan kedudukanku [1+1]
- (iv) **Ada skrip**
Contoh: ANNA: Ya, aku cepat putus asa. Tapi putus asaku ini bukanlah puncanya daripada engkau juga?
ZAKI: Anna, cuba lebih realistik lagi, Anna. Fahamkan kedudukanku . [1+1]

[Maksimum: 4 markah]

5 Dua Gaya Bahasa

- (i) **Repitisi frasa** [1+1]
Contoh: mesti begini dan begitu /
Pakaian mesti begini dan begitu. Cara jalannya mesti begini dan begitu /
- Contoh: tapak tangan /
Apabila bersalaman, jangan genggam erat, tapak tangan mesti turus dan sentuh sedikit sahaja tapak tangan orang yang bersalaman dengannya.
Apabila bersalam, digenggam erat seluruh tapak tangan sehingga terasa ke hati.

(iii) Repitisi kata**[1+1]**

Contoh: Dia /

Dia isteri...../Dia berkelakuan.....**(ii) Kata ganda****[1+1]**Contoh: wanita-wanita / Jangan seperti wanita-wanita lain.**[Maksimum: 4 markah]****6 Dua contoh teknik imbas muka**

(i) Kedua-dua bongkah aisberg itu akan ditambah di Teluk Pinavana, ... **2**

(ii) Aisberg yang sampai dahulu akan dipotong dan diangkut dahulu. **2**

(iii) Oleh sebab kuantitinya yang besar, beberapa bongkah akan didaratkan serta-merta di kawasan pelabuhan. **2**

(iv) Bongkah-bongkah khas itu akan dipotong kecil-kecil dan rakyat Ogonshoto bolehlah membawanya pulang ke rumah masing-masing. **2**

(v) Rakyat dijangka akan menyerbu. Jadi, tempat pendaratan itu sudah dikenal pasti. **2**

(vi) Pihak tentera akan dikerah berkawal dan menentukan rakyat mesti berbaris mengikut giliran. **2**

[Maksimum: 4 markah]**7 Satu pengajaran berserta contoh:**

(i) Kita hendaklah bersopan santun dalam kehidupan. **[2+2]**

Contoh: Maka budak itu pun hendak bermohon pulang ke rumahnya.

(ii) Kita hendaklah mengamalkan sikap bermurah hati. **[2+2]**

Contoh: Maka baginda pun memberi kurnia akan budak miskin itu sahaya dua orang beserta pulak dengan kain dan baju serta beras padi terlalulah banyaknya / dan segala raja dan orang besar-besar itu pun memberi kurnia kepada budak itu, masing-masing dengan kadarnya.

[Maksimum: 4 markah]

8 Satu unsur patriotisme watak Mat Piah:

- (i) **Berpengetahuan / menghafal tentang sejarah negara / Pulau Pinang.** [2+2]

Contoh: MAT PIAH: Apa? Jadi sejarah Pulau Pinang yang saya hafal tu tak betul? /

Mat Piah menghafal tentang sejarah pembukaan Pulau Pinang.

- (ii) **Bersemangat setia negara / nasionalisme.** [2+2]

Contoh: MAT PIAH: Jadi, Francis Light bukan peneroka Pulau Pinang? /

Mat Piah kecewa apabila mengetahui Light menipu Sultan Abdulah untuk mendapatkan Pulau Pinang.

[Maksimum: 4 markah]

9 Satu pandangan perwatakan penghulu Sudin:

- (i) **Bersikap pilih kasih dalam melaksanakan tugas.** [2+2]

Contoh: Jika mereka mempersoalkan atau membantah cadangannya, penduduk dan seluruh anggota keluarga tersebut akan disenaraihitamkan sebagai pembangkang. / Penghulu Sudin akan disenaraihitamkan mana-mana penduduk kampung yang tidak menyokongnya sebagai pembangkang.

- (ii) **Bersikap kejam / zalim kepada mereka yang menentang / membangkang.** [2+2]

Contoh: Penghulu Sudin telah sedaya upaya untuk menyingkirkan Sahat daripada arus perdana dan segala aktiviti di Kampung Kuah. / Penghulu Sudin berusaha untuk menyingkirkan Sahat daripada kampung kerana tidak menjadi pengikutnya.

- (iii) **Berprasangka buruk terhadap orang lain.** [2+2]

Contoh: Sahat dianggap oleh Penghulu Sudin sebagai duri dalam daging. / Penghulu Sudin beranggapan Sahat cuba menjatuhkannya.

[Maksimum: 4 markah]

10 Dua keperibadian unggul watak 'dia'

- (i) **berani menyahut cabaran.** [1+1]

Contoh: Dia akan menyambut cabaran-cabaran itu demi air.

- (ii) **gigih berusaha.** [1+1]

Contoh: Biarlah dia berulang-alik seribu kali ke pantai mengambil air laut. / Biarlah dia mencari kayu api seribu puntung lagi.

- (iii) **sabar menunggu** [1+1]

Contoh: Biarlah dia menunggu di tepi unggun dapur seribu jam lagi.

- (iv) **mempunyai keyakinan yang tinggi** [1+1]

Contoh: Tujuh tong air ini mesti penuh juga akhirnya.

[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B**(60 markah)****Pilih 3 Daripada 6 Soalan****11 (a) Satu Persoalan Puisi:****(i) Kasih sayang seorang wanita.****[2+2]**

Huraian: Wanita digambarkan sebagai insan yang mempunyai perasaan kasih sayang yang sangat melimpah-ruah.

(ii) Kesetiaan kaum wanita.**[2+2]**

Huraian: Kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi adalah satu keistimewaan yang dimiliki oleh wanita.

(iii) Wanita adalah anugerah Tuhan.**[2+2]**

Huraian: Wanita yang terdiri daripada nenek, ibu, kakak adalah anugerah daripada Tuhan yang istimewa untuk manusia sejagat.

[Maksimum: 4 markah]**b) Empat Gaya Bahasa:****(i) Asonansi****[1+1]**

Contoh : Tenang bermandi cahaya siang /
Tenang bermandi cahaya siang
(pengulangan vokal a)

(ii) Aliterasi**[1+1]**

Contoh : Kerap memeram, resah tersembunyi /
Kerap memeram, resah tersembunyi
(pengulangan konsonan r)

(iii) Responsi**[1+1]**

Contoh: Bersuara lantang dalam bisu
Diam berkaca dalam bicara

(iv) Anafora**[1+1]**

Contoh : Adakala tak tertafsir erti
Adakala gah mengulum gua sepi.

(v) Paradoks**[1+1]**

Contoh: Bersuara lantang dalam bisu /
Asin dan tawarnya bertempat

(vi) Sinkope**[1+1]**

Contoh : Tak / Adakala tak tertafsir erti
Ku / ibuku / kakakku / nenekku

(vii) Metafora**[1+1]**

Contoh: gua sepi / Adakala gah mengulum gua sepi

(viii) Perlambangan**[1+1]**

Contoh: Wanita ialah laut

(ix) Inversi

Contoh: Anugerah-Nya yang istimewa amat

[1+1]

[Maksimum: 8 markah]

(c) Penciptaan sajak bertema pengorbanan:

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Tema | 2 |
| (ii) Bentuk | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[Maksimum: 8 markah]

Nota :

- 1 Calon mencipta sajak kurang daripada dua belas baris, berikan 6 markah maksimum.
- 2 Calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.
- 3 Calon mencipta sajak lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.
- 4 Sajak yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.

12 (a) Dua nilai murni:

- | | |
|---|-------|
| (i) Nilai kasih sayang | [1+1] |
| Contoh: Kasih sayang batu karang kepada kekasihnya sehinggakan dia menderita merindui kekasihnya yang telah mati. | |
| (ii) Nilai keprihatinan | [1+1] |
| Contoh: Karangan laut prihatin dengan nasib rakan -rakannya, tidak mahu rakannya mengalami nasib yang sama dengannya iaitu kematian kekasih akibat pencemaran laut. | |
| (iii) Nilai Ketabahan | [1+1] |
| Contoh: Karangan laut tabah menghadapi masalah pencemaran laut akibat perbuatan manusia. | |
| (iv) Nilai kecekalan | [1+1] |
| Contoh: Hidup dalam kesulitan apabila cecair hijau meresap masuk ke perkarangan mereka. / tempat tinggal mereka musnah. | |
| (iv) Nilai kegigihan | [1+1] |
| Contoh: Karangan laut gigih dalam meneruskan kehidupan dengan berusaha dan berharap agar Lin datang untuk membantunya serta menyelamatkan kaum mereka. | |
| (v) Nilai cinta akan alam sekitar | [1+1] |
| Contoh: Lin mencintai alam sekitar dan kerap turun ke kawasan batu karang untuk membersihkan kawasan tersebut yang menjadi habitat ikan-ikan. / nenek moyang menjaga laut kerana laut memberi ketenangan kepada mereka. | |

(vi) Nilai setia kawan**[1+1]**

Contoh: Karangian laut tidak pernah melupakan Lin, malahan sentiasa menunggu kedatangan Lin.

(vii) Nilai keyakinan**[1+1]**

Contoh: Karangian laut yakin Lin ialah orang yang boleh membawa kes mereka ke muka pengadilan dan yakin Lin akan datang membantu mereka.

[Maksimum: 4 markah]**(b) Dua isu masyarakat****(i) Isu pencemaran laut.****[2+2]**

Huraian: Kilang dan kapal memuntahkan cecair sisa kilang dan kapal ke laut. / Pencemaran laut menghilangkan keindahan bunga karang dan akhirnya mati.

(ii) Isu kepupusan hidupan laut.**[2+2]**

Huraian: Akibat daripada perbuatan manusia yang membuang sisa kilang dan cecair beracun daripada kapal ke laut menyebabkan hidupan laut mati.

(iii) Isu manusia yang tidak bertanggungjawab**[2+2]**

Huraian: Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab, pentingkan diri membuang sisa pepejal / cecair / sampah ke laut. / Kilang dan kapal dengan rakus membuang cecair hijau perang ke laut.

(iv) Isu ancaman kemusnahan alam**[2+2]**

Huraian: Koloni karangian laut hidup dalam ketakutan dengan ancaman bom yang digunakan untuk menangkap ikan. / Semakin ramai koloni batu karang mati terapung di permukaan laut, hancur dilanggar perahu besar.

(v) Isu sikap tamak manusia**[2+2]**

Huraian: Sikap pemilik kilang yang tamak, pentingkan diri dengan membuang sisa kilang ke laut.

[Maksimum: 8 markah]**(c) Adaptasi - Cipta pantun**

- | | | |
|--------------|------------|----------|
| (i) | Tema | 2 |
| (ii) | Bentuk | 2 |
| (iii) | Bahasa | 2 |
| (iv) | Kreativiti | 2 |

[Maksimum: 8 markah]**Nota:**

1. Calon yang menghasilkan satu rangkap pantun, berikan maksimum 4 markah.
2. Jika calon tidak menulis tajuk pantun, tolak 1 markah kreativiti.
3. Rima yang tidak menepati rima pantun, tolak maksimum 1 markah bentuk.
4. Isi yang tidak berkaitan dengan petikan, tolak maksimum 2 markah kreativiti.

13 (a) Pemikiran Drama Anna

Pergolakan rumah tangga dalam sebuah keluarga akibat perbezaan budaya.

[2+2]

Contoh: Anna yang berketurunan Inggeris dan Melayu mengalami pergolakan rumah tangga akibat tidak dapat memahami budaya hidup Zaki yang masih mengamalkan budaya Timur / mementingkan hubungan keluarga walaupun telah berkahwin.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Dua Saranan:**(i) Bersabar menghadapi dugaan hidup.**

[2+2]

Huraian: Anna perlu bersabar menghadapi dugaan dalam hidup berumah tangga supaya kekal bahagia.

(ii) Memahami budaya hidup pasangan.

[2+2]

Huraian: Anna sepatutnya memahami budaya hidup masyarakat Melayu yang masih diamalkan oleh keluarga suaminya. / memahami cara hidup Zaki.

(iii) Tidak mementingkan diri sendiri.

[2+2]

Huraian: Anna sepatutnya tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya perlu menyokong dan membantu Zaki menjaga ibunya yang sakit.

(iv) Tidak mudah berputus asa.

[2+2]

Huraian: Anna sepatutnya tidak berputus asa dalam usaha memastikan rumah tangganya kekal bahagia.

(v) Berada di samping suami dan keluarga / tempat isteri di samping suami dan keluarga.

[2+2]

Huraian: Anna sepatutnya berada di samping suami dan keluarga demi membina hubungan rumah tangga yang bahagia.

(vi) Mendengar nasihat orang lain

[2+2]

Huraian: Anna sepatutnya mendengar nasihat Dr. Chan dan pujukan suaminya untuk tidak pulang ke London demi kebahagiaan rumah tangga mereka.

[Maksimum: 8 markah]

(c) Pengkaryaan / Cipta enam hingga lapan dialog

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Idea/Isi | 2 |
| (ii) Teknik | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[maksimum: 8 markah]

Nota:

1. Isi yang ada kesinambungan dengan drama asal, berikan 0 markah untuk idea / isi.
2. Jika calon menulis kurang daripada enam dialog, markah maksimum 4.
3. Jika jumlah markah isi, teknik dan bahasa ialah 6 markah, berikan 2 markah kreativiti.
4. Jika calon menulis lebih daripada lapan dialog, periksa seperti biasa.

14 (a) Dua pengajaran

- i) Kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berbudi bahasa. [1+1]
Huraian: Orang yang beradab / berbangsa dikenali melalui budi bahasanya.
- ii) Kita janganlah melakukan perkara yang sia-sia / tidak berfaedah. [1+1]
Huraian: Orang yang beruntung sentiasa menjaga dirinya dari melakukan perbuatan yang tidak berfaedah / sia-sia.
- iii) Kita hendaklah menjaga perangai dan tingkah laku agar dipandang mulia oleh masyarakat. [1+1]
Huraian: Orang yang mulia sentiasa menjaga tingkah lakunya.
- iv) Kita hendaklah beramal di dunia sebagai bekalan di akhirat. [1+1]
Huraian: Orang yang sentiasa melakukan amal ibadat di dunia sebagai bekal di akhirat adalah orang yang berakal.
- v) Kita hendaklah menjaga perangai dan tingkah laku dalam pergaulan. [1+1]
Huraian: Orang yang baik akan sentiasa menjaga perangai apabila bergaul dengan orang lain.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Empat bentuk:

- (i) Ada rangkap / berangkap. [1+1]
Huraian: Terdiri daripada lima rangkap.
- (ii) Bilangan / jumlah baris dalam setiap rangkap adalah sama. [1+1]
Huraian: Dua baris serangkap.
- (iii) Bilangan / jumlah perkataan dalam setiap baris tidak sama. [1+1]
Huraian: Empat hingga tujuh patah perkataan sebaris.
- (iv) Bilangan / jumlah suku kata setiap baris tidak sama. [1+1]
Huraian: Sepuluh hingga enam belas suku kata sebaris.
- (v) Rima akhir setiap rangkap adalah sama. [1+1]
Huraian: a a
- (vi) Baris pertama ialah syarat. [1+1]
Contoh: Jika hendak mengenal orang berakal
- (vi) Baris kedua ialah jawab. [1+1]
Contoh: di dalam dunia mengambil bekal.

(vii) Puisi ini berbentuk terikat**[1+1]**

Huraian: Rima akhir setiap rangkap sama iaitu a a /
bilangan baris setiap rangkap sama /

[Maksimum: 8 markah]**(c) Penciptaan gurindam bertemakan akhlak mulia:**

- | | |
|-----------------|---|
| (i) Tema | 2 |
| (ii) Bentuk | 2 |
| (iii) Bahasa | 2 |
| (iv) Kreativiti | 2 |

[Maksimum: 8 markah]**Nota:**

1. Calon mencipta gurindam kurang daripada empat rangkap, berikan 4 markah maksimum.
2. Calon tidak menulis tajuk gurindam, tolak 1 markah kreativiti.
3. Calon mencipta gurindam lebih daripada empat rangkap, periksa seperti biasa.
4. Gurindam yang tidak menepati tema, berikan 0 markah pada tema.

15 (a) Empat unsur sejarah dalam Sastera Epik

- | | |
|--|--------------|
| (i) Terdapat tokoh bersejarah atau watak bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Hang Tuah, Raja Melaka. | |
| (ii) Peristiwa bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Hang Tuah ke Siam untuk membeli gajah / hubungan diplomatik antara Melaka dan Siam. | |
| (iii) Latar masa bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. | |
| (iv) Latar tempat bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Melaka dan Siam. | |
| (v) Sistem pemerintahan bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Melaka dan Siam mengamalkan sistem pemerintahan feodal. | |
| (vi) Jawatan bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Bendahara, laksamana dan syahbandar. | |
| (vii) Adat-istiadat bersejarah. | [1+1] |
| Contoh: Adat mengutus surat untuk dihantar oleh Raja Melaka kepada Raja Siam / adat menghadap raja Siam / Adat menyambut surat yang dihantar oleh Raja Melaka kepada Raja Siam / Adat memberi persalinan kepada orang yang berbakti kepada raja. | |

(viii) Peralatan bersejarah.**[1+1]**

Contoh: Keris dan pedang

(ix) Kenderaan bersejarah.**[1+1]**

Contoh: Gajah / Gajah sebagai kenderaan diraja.

[Maksimum: 8 markah]**(b) Tiga ciri kepemimpinan watak Phra Cau:****(i) Pemimpin yang mengenang jasa pembesar / rakyat.****[2+2]**

Huraian: Phra Cau mengurniakan 2 persalinan kepada Laksamana kerana berjaya menewaskan Cin Cu yang ingin membunuh baginda.

(ii) Pemimpin yang bertolak ansur dalam adat istiadat.**[2+2]**

Huraian: Phra Cau mengizinkan Laksamana menghadap baginda mengikut adat Melayu.

(iii) Pemimpin yang mudah menerima pendapat orang lain.**[2+2]**

Huraian: Phra Cau menerima pendapat Laksamana untuk menghadihkan gendaga kepada rakyat Siam.

(iv) Pemimpin yang menghormati tetamu.**[2+2]**

Huraian: Phra Cau mengalu-alukan kedatangan rombongan Laksamana ke Benua Siam dengan adat kebesaran Siam.

(v) Pemimpin yang ditaati oleh rakyat.**[2+2]**

Huraian: Phra Cau mempunyai rakyat yang ramai dan ditaati.

[Maksimum: 12 markah]**16 (a) Sudut pandangan****Sudut pandangan orang ketiga****1****Tiga Contoh:**

- (i) Ya, dia menjawab **1**
- (ii) Kemudian dia melipatkan akhbar sebelum meletakkan akhbar itu di tepi kakinya. **1**
- (iii) Kemudian dia melipatkan akhbar sebelum meletakkan akhbar itu di tepi kakinya. **1**
- (iv) Kerana kesilapannya pun besar, barangkali, sambung pemandu teks nya sambil tersenyum. **1**
- (v) Kerana kesilapannya pun besar, barangkali, sambung pemandu teks sambil tersenyum. **1**
- (vi) Kamu tak tahu, jawab pemandu teks sambil menoleh ke belakang. **1**
- (vii) Sejak dua minggu lalu, dia sakit dan meracau **1**
- (viii) Ramai orang pergi ke rumah nya **1**
- (ix) ... para tetangga dan kenalannya **1**
- (x) ... dan orang lain yang kemudian mendengar cerita tentang nya. **1**

[Maksimum: 4 markah]

(b) Dua teknik plot:**(i) Teknik Pemerian****[2+2]**

Contoh: Kemudian dia melipatkan akhbar sebelum meletakkan akhbar itu di tepi kakinya. / Pencungkil gigi ditolak ke sudut bibir sebelah kiri.

(ii) Teknik Dialog**[2+2]**

Contoh: “Ya,” dia menjawab. “Semua orang ada berbuat silap. Itu perkara biasa. Perlukah sampai memuatkan iklan sebesar ini dalam akhbar?” / “Kerana kesilapannya pun besar, barangkali,” sambung pemandu teksi sambil tersenyum. / “Begitu?” / “Kamu tak tahu,” jawab pemandu teksi sambil menoleh ke belakang. “Sejak dua minggu lalu, dia sakit dan meracau. Ramai orang pergi ke rumahnya, para tetangga dan kenalannya, dan orang lain yang kemudian mendengar cerita tentangnya.”

(iii) Teknik Imbas Kembali**[2+2]**

Contoh: Sejak dua minggu lalu, dia sakit dan meracau.

[Maksimum : 8 markah]**(c) Pengkayaan (karya asli)**

(i)	Idea / Isi	2
(ii)	Teknik	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2

[Maksimum: 8 markah]**Nota:**

1. Jika calon menghasilkan karya kurang 80 patah perkataan, berikan maksimum 1 markah untuk isi.
2. Calon mengemukakan satu teknik plot, berikan maksimum 1 markah untuk teknik.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT